Sistem PADU dibuka secara langsung hari ini

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Januari 2, 2024 @ 12:16pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Sistem PADU akan dibuka sehingga 31 Mac 2024 -NSTP/Aizuddin Saad

PUTRAJAYA: Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibuka secara langsung hari ini selepas hampir enam bulan sistem itu dibangunkan dan melalui beberapa pengujian.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, berkata sistem itu akan dibuka sehingga 31 Mac 2024 kepada pengguna bagi membolehkan pengemaskinian maklumat individu.

Beliau berkata, pengemaskinian itu penting bagi membolehkan kerajaan mempunyai maklumat terkini dan memastikan tiada individu yang tercicir daripada menerima bantuan selayaknya.

Katanya, pembangunan PADU dilaksanakan secara dalaman oleh Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) tanpa membabitkan perunding luar bagi membina kepakaran dan keupayaan penjawat awam selain pada masa yang sama bertujuan untuk memastikan keselamatan data terjamin.

"Pangkalan data bersepadu ini akan menjadi sumber rujukan berpusat yang mengandungi profil individu yang menyeluruh merangkumi maklumat demografi dan

pelbagai maklumat seperti pendidikan, kesihatan, bantuan sosial yang diterima dan pendapatan isi rumah," katanya pada majlis sempena peluncuran PADU di sini, hari ini

Nor Azmie mengakui terdapat beberapa cabaran utama membangunkan PADU dari segi teknikal dan birokrasi yang perlu ditangani.

Beliau berkata, setiap pangkalan data tertakluk kepada peraturan dan akta yang berkaitan menyebabkan kesukaran dalam perkongsian data antara agensi.

Katanya, sebahagian pangkalan data yang sedia ada pula lebih bersifat 'in silo' dan 'non-interoperable' (saling tidak beroperasi) antara satu sama lain.

Justeru, jelasnya, keadaan itu menyulitkan perkongsian dan pengintegrasian data sehingga menyebabkan proses penyelarasan data PADU mengambil masa yang panjang.

"Bagi menangani cabaran itu, sesi libat urus yang berterusan pada pelbagai peringkat. Memorandum persefahaman turut diadakan bersama agensi berkaitan bagi membolehkan perkongsian data," katanya.

Selain itu, Nor Azmie berkata, pelaksanaan integrasi data dari setiap agensi kerajaan perlu disokong melalui punca kuasa perundangan perkongsian data yang kukuh dan mampan.

Justeru, beliau berkata, Akta Omnibus yang dijangka digubal pada tahun ini akan menjadi akta yang membenarkan perkongsian data dan cloud storage dalam kalangan agensi kerajaan.

Katanya, risiko keselamatan dan kebocoran maklumat terperingkat juga sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak.

"Oleh itu, aspek keselamatan data dan siber turut diberi perhatian serius melalui pengukuhan pembangunan sistem serta kerjasama strategik dengan semua pihak yang berkaitan," katanya.